

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah graduan Fakulti Perubatan yang gagal menamatkan latihan housemanship di hospital sejak tahun 2000 dan apakah faktor utama kegagalan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2000, secara purata dianggarkan 2 peratus graduan Perubatan tidak menamatkan latihan housemanship setelah dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS). Pelbagai faktor menyebabkan PPS tidak menamatkan latihan housemanship antaranya kerana meletak jawatan, tindakan tatatertib atas ketidakhadiran tanpa kebenaran, penamatan atas masalah kesihatan dan terdapat juga segelintir PPS ditamatkan kerana masalah kompetensi.

Sebagai contoh, pada tahun 2014, jumlah terkumpul PPS ialah sebanyak 9,650 orang. Dari jumlah tersebut, bilangan PPS yang tidak

menamatkan latihan housemanship ialah 263(2.5%) di mana 219 graduan Fakulti Perubatan meletak jawatan atas pelbagai sebab, 22 orang ditamatkan kerana masalah tatatertib ,19 graduan kerana masalah kesihatan dan 5 orang ditamatkan kerana masalah kompetensi.